



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

02 APRIL 2025 (RABU)

'Boarding' haiwan percuma untuk mangsa letupan gas di Putra Heights

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Online	-	2 April

'Boarding' haiwan percuma untuk mangsa letupan gas di Putra Heights

📄 Summarize



Gambar hiasan

PETALING JAYA – Persatuan Haiwan Malaysia menawarkan perkhidmatan 'boarding' (penginapan) haiwan sementara secara percuma selama tujuh hari kepada pemilik haiwan yang terjejas kediaman akibat letupan gas di Putra Heights.

Persatuan Haiwan Malaysia dalam kenyataannya, tawaran ini bermula hari ini hingga 8 Mac.

"Haiwan kecil diterima adalah kucing, arnab, burung, hamster, hedgehog dan musang peliharaan akan ditempatkan di shelter Galeri Animal Malaysia.

"Haiwan milik mangsa letupan gas akan dijaga dan diurus selama tempoh berada di tempat penginapan dengan makan minum serta keperluan sewajarnya," menurut kenyataan itu hari ini.

Shelter Galeri Animal Malaysia milik Persatuan Haiwan Malaysia mempunyai Lesen Aktiviti Berhubung dengan Tempat Kurungan dan Perlindungan Haiwan (Lesen Shelter) No.Lesen : AKH(L)-2024-W-0014 dan Lesen Penginapan Haiwan No. Lesen : AKH(L)-2024-W-0016 dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Khidmat pengambilan dan penghantaran semula turut disediakan secara percuma dengan jadual pengambilan akan dikemas kini secara berkala oleh pengurusan shelter.

"Pemilik haiwan yang memerlukan khidmat jagaan sementara percuma ini boleh menghubungi WhatsApp 01171245931," menurut persatuan itu.

Kosmo! melaporkan, kebakaran di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights pada pagi semalam, berpunca daripada kebocoran paip gas sekali gus menyebabkan kebakaran saluran sepanjang 500 meter (m).

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor dipetik berkata, kerja-kerja pemindahan penduduk sekitar sedang dilakukan berikutan kebakaran berlaku berhampiran kawasan perumahan awam. – KOSMO! ONLINE

Letupan paip gas: Haiwan peliharaan mangsa terjejas diberi rawatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BuletinTV3	Online	-	2 April

Letupan paip gas: Haiwan peliharaan mangsa terjejas diberi rawatan

 Summarize

02 April 2025, 12:21pm



Sukarelawan Persatuan Haiwan Malaysia, Fatimah Zaharah Rahim.

Oleh: Farah Nabilah Wazer

SUBANG JAYA: Haiwan peliharaan yang terselamat dalam insiden kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights semalam ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights, di mana mereka menerima rawatan kesihatan dan jagaan rapi.

Menurut sukarelawan Persatuan Haiwan Malaysia, Fatimah Zaharah Rahim, satu kaunter khas disediakan bagi pemeriksaan terhadap haiwan peliharaan mangsa terjejas.

“Kita akan tengok lah sama ada haiwan ni mengalami trauma atau kecederaan. Kita akan bagi kaunseling kepada pemiliknya untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

Tambahnya, pasukan veterinar turut ditempatkan di PPS ini untuk memeriksa kesihatan haiwan terlibat.

Selain rawatan perubatan, haiwan terjejas turut diberikan makanan, sangkar, dan pasir kucing.

Sementara itu, mangsa yang ditemui Buletin TV3 melahirkan rasa lega kerana haiwan peliharaan mereka diberi perhatian sewajarnya.

Seorang mangsa, Norhalimah Husin, berkata hanya seekor daripada tiga kucing peliharaannya sempat diselamatkan dan kini menerima rawatan di PPS ini.

“Risau juga lah sebab tiada siapa di rumah. Makanan pun tiada siapa bagi. Nak balik rumah pun tak boleh,” katanya.

Persatuan Haiwan Malaysia turut menawarkan khidmat pengambilan dan penghantaran haiwan peliharaan secara percuma kepada mangsa, selain khidmat penjagaan sementara.

Aidil Ghaffar risau keselamatan lima kucing di rumah, harap selamat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Online	-	2 April

Aidil Ghaffar risau keselamatan lima kucing di rumah, harap selamat



Aidil risaukan lima kucing peliharaannya yang tidak sempat dibawa keluar dari kediamannya. Foto HM Online

KUALA LUMPUR: Bekas personaliti TV3, Aidil Abd Ghaffar, 56, menunggu waktu untuk diizinkan pulang ke kediamannya yang terjejas di Putra Height selepas insiden letupan akibat kebocoran paip gas yang berlaku semalam.

Menerusi video wawancara yang dimuat naik di Instagram Kool FM, Aidil berkata dia risaukan lima kucing peliharaannya yang tidak sempat dibawa keluar dari kediamannya.

"Saya baru saja dimaklumkan oleh jiran sebelah rumah yang berada di lokasi kejadian. Hanya tiga hingga empat barisan saja yang dibenarkan masuk.

"Bagi kawasan yang mengalami kesan teruk seperti Jalan 3E dan 3F di Putra Harmoni, kemasukan tidak dibenarkan.

"Saya fikir mengenai barang keperluan yang lebih utama, kucing-kucing saya. Saya memiliki lima ekor kucing yang berada di dalam rumah, dalam bilik. Tidak pasti keadaan mereka sekarang," katanya.

Tambahnya, dia juga ingin memeriksa empat kenderaan yang ada di kediamannya walaupun kebanyakannya sudah cair akibat suhu yang terlalu tinggi kesan letupan gas itu.

"Jika boleh, saya juga ingin menyelamatkan kenderaan yang masih boleh digunakan.

"Saya mempunyai dua buah kereta, manakala anak-anak saya juga masing-masing mempunyai satu. Jadi, kami akan cuba melihat mana-mana kenderaan yang masih boleh dihidupkan.

"Dari segi luaran, kereta-kereta ini sudah mencair akibat bahang dan saya risau jika suhu setinggi 1,200 celsius itu turut merosakkan bahagian dalaman, menyebabkan komponen penting meleleh," katanya.

Berkongsi mengenai situasi yang berlaku semalam, Aidil berkata, orang ramai berlari menyelamatkan diri dan dia dapat merasakan bahang kepanasan letupan itu.

"Pada jam 8.20 pagi, saya merasakan rumah saya bergegar seperti gempa bumi. Namun, apabila melihat orang ramai berlari keluar menuju ke satu kawasan, saya membuka pintu dan terlihat abu berterbangan.

"Abu itu seperti debu dari letusan gunung berapi, jatuh perlahan-lahan. Saya juga dapat merasakan bahangnya diikuti dengan bau yang sangat menyengat.

"Saya terfikir, jika seorang manusia terdedah kepadanya lebih daripada 20 saat dengan suhu bahang mencecah 1,200 celsius, tak payah kena api, tetapi cukup untuk menggelupaskan kulit sesiapa yang terdedah," katanya.

Pemilik anjing Rottweiler dibebaskan dengan jaminan polis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online	-	2 April

Pemilik anjing Rottweiler dibebaskan dengan jaminan polis

ROSLINDA HASHIM

02 April 2025 06:08pm

Masa membaca: 3 minit



BALING – Pemilik anjing jenis Rottweiler di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil dibebaskan dengan jaminan polis selepas haiwan peliharaannya itu menyerang lima individu sehingga cedera.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintenden Azmi Mokhtar berkata, lelaki warga emas berusia 69 tahun itu diberikan jaminan atas faktor usia serta keadaan kesihatannya yang mengalami masalah kecemasan mental (anxiety) dan penyakit jantung.

Menurutnya, pemilik anjing berkenaan telah memberi jaminan akan hadir ke perbicaraan kes tersebut setelah mendapat tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah.

"Pemilik anjing tersebut mempunyai masalah kesihatan serius dan dibebaskan dengan jaminan sementara menunggu tindakan selanjutnya," katanya kepada Sinar Harian pada Rabu.

Azmi berkata, buat masa ini, pihak polis sedang menyiapkan kertas siasatan dan akan menyerahkannya kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk pendakwaan.

"Pemilik anjing tersebut sudah memberikan keterangan kepada polis pada hari Selasa.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 289 Kanun Keseksaan kerana kecuai dalam mengawal haiwan yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang lain," ujarnya.

Pada awal pagi Selasa, dua ekor anjing jenis Rottweiler di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil menyerang penduduk selepas dipercayai terlepas dari rumah pemiliknya, menyebabkan lima individu cedera.

Seorang wanita mengalami kecederaan serius apabila bahagian belakang kepalanya terkoyak dan terpaksa menjalani pembedahan di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani.

Selain itu, seorang wanita, dua lelaki tempatan dan seorang pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UNISHAMS) berusia 28 tahun dari Mesir turut cedera dan dirawat di hospital sama.

Difahamkan pensyarah tersebut sedang berjalan menuju ke surau Taman Desa Bidara untuk menunaikan solat Subuh ketika diserang oleh anjing-anjing terbabit.

Serangan dikatakan bermula pada 4.30 pagi dengan seorang wanita warga emas menjadi mangsa pertama selepas anjing-anjing itu meloloskan diri dari rumah pemiliknya yang terletak kira-kira 500 meter dari lokasi kejadian.

Empat lagi mangsa diserang di tiga lokasi berbeza dalam kawasan perumahan itu dalam tempoh dua jam.

Dalam pada itu, Azmi memaklumkan, kedua-dua anjing terbabit telah diserahkan kepada Jabatan Veterinar Kulim untuk pemeriksaan dan kuarantin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kedah, Dr Shaharul Akmar Talib berkata, anjing-anjing tersebut akan dipantau dan diperiksa bagi memastikan sama ada terdapat tanda jangkitan rabies.

"Kes ini juga tertakluk kepada undang-undang kecil berkaitan pelesenan anjing yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Baling," katanya.

Sebelum ini, penduduk turut menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan tegas, selain membawa keluar anjing Rottweiler dari kawasan perumahan itu kerana ia bukan pertama kali berlaku.

Pegawai Daerah Baling, Yazlan Sunardie Che Yahaya sebelum ini mengesahkan anjing yang sama pernah terbabit dalam serangan yang dilaporkan pada 2023 di Kuala Ketil.

Kes digigit anjing di Baling: Pemilik setuju lupus 2 anjing Rottweiler

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online	-	2 April

Kes digigit anjing di Baling: Pemilik setuju lupus 2 anjing Rottweiler



GAMBAR portal Harian Metro sebelum ini.

Alor Setar: Pemilik dua anjing jenis [Rottweiler](#) yang menyerang dan menggigit lima individu dalam kejadian di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil, semalam, bersetuju untuk melupuskan haiwan peliharaannya dengan kaedah ditidurkan.

Pegawai Daerah Baling, Yazlan Sunardie Che Yahya, berkata persetujuan itu dicapai susulan pertemuan antara pemilik anjing berkenaan dengan pihak berkuasa berkaitan, hari ini.

"Kedua-dua anjing itu diserahkan kepada Pejabat Veterinar Baling untuk dilupuskan secara ditidurkan mengikut prosedur," katanya ketika dihubungi Bernama.

Selain itu, katanya, Majlis Daerah Baling telah mengeluarkan dua kompaun kepada pemilik anjing berkenaan atas kesalahan membela anjing tanpa lesen.

Semalam, Bernama melaporkan lima individu cedera selepas digigit dua anjing berkenaan yang terlepas daripada sangkar dalam kejadian di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil.

Kesemua mangsa kini sedang menerima rawatan di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani.

Kes digigit anjing: Pemilik setuju lupus 2 Rottweiler

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FreeMalaysiaToday	Online	-	2 April

Kes digigit anjing: Pemilik setuju lupus 2 Rottweiler

Summarize

Pemilik dua anjing yang menggigit lima individu di Kuala Ketil semalam setuju melupuskan haiwan peliharaannya.

Bernama • 02 Apr 2025, 08:13 PM



Pemilik dua anjing yang menggigit lima individu di Kuala Ketil semalam diberi kompaun atas kesalahan membela anjing tanpa lesen. (Gambar Envanto Elements)

ALOR SETAR:

Pemilik dua anjing jenis Rottweiler yang menyerang dan menggigit lima individu dalam kejadian di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil semalam, bersetuju untuk melupuskan haiwan peliharaannya dengan kaedah ditidurkan.

Pegawai Daerah Baling, Yazlan Sunardie Che Yahya, berkata persetujuan itu dicapai susulan pertemuan antara pemilik anjing berkenaan dengan pihak berkuasa berkaitan, hari ini.

“Kedua-dua anjing itu diserahkan kepada Pejabat Veterinar Baling untuk dilupuskan secara ditidurkan mengikut prosedur,” katanya kepada Bernama.

Selain itu, katanya, Majlis Daerah Baling mengeluarkan dua kompaun kepada pemilik berkenaan atas kesalahan membela anjing tanpa lesen.

Semalam, Bernama melaporkan lima individu cedera selepas digigit dua anjing berkenaan yang terlepas daripada sangkar dalam kejadian di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil.

Semua mangsa kini sedang menerima rawatan di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani.

Residents demand action after five hospitalized in Rottweiler attacks in Kedah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NST	Online	-	2 April

Residents demand action after five hospitalised in Rottweiler attacks in Kedah

Summary

Residents of Taman Desa Bidara, Kuala Ketil, are demanding action after five people were severely injured in a Rottweiler attack. The incident, involving the same dogs that attacked an Egyptian lecturer two years ago, has raised concerns about safety and the enforcement of regulations regarding dog ownership in residential areas.



Abdulazim Abdul Hamid (left) said the incident should have been avoided following the first incident involving the same dogs two years ago. - NSTP/Adie Zulkifli

BALING: Residents of Taman Desa Bidara, Kuala Ketil, are demanding immediate stern action from authorities after a spate of attacks by a pair of Rottweilers left five people severely injured early yesterday.

"Enough is enough. We want stern action by the authorities. Remove the Rottweilers from our neighbourhood," said the residents.

Its Rukun Tetangga (KRT) chairman, Abdulazim Abdul Hamid, 57, stressed that yesterday's [incident should](#) have been avoided following the first incident involving the same dogs two years ago.

Abdulazim said in the first attack in 2023, an Egyptian lecturer at Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University here, was severely wounded.

"We demand the relevant authorities to take this matter seriously as it involves the safety of some 2,000 residents here.

"Rottweilers are not allowed to be kept in a residential area. Hence, the authorities must strictly enforce this.

"We are lucky that this incident happened during the Hari Raya break. We can't imagine the devastating damage should the dogs attack children while walking to the schools here," he said.

He urged the authorities to check all licensed dogs in the area to ensure the owners complied with regulations.

Abdulazim also called on the authorities to address the issue of the stray dog menace in the area.

"Although there is no incident involving stray dogs yet, we hope the relevant authorities will manage this issue before any untoward incident happens," said Abdulazim, who is also the chairman of Taman Desa Bidara surau committee.

Yesterday, Baling police chief Superintendent Azmi Mokhtar said five people have been hospitalised following the dog attack.

Azmi was reported as saying the owner had since confined the dogs, and the man had been instructed to hand them over to the Kulim Veterinary Department for immediate inspection and quarantine.

State Health and Local Government Committee Chairman Mansor Zakaria said he had instructed the Baling District Council to take swift action and hold the dog owner accountable for the incident.

In response to the incident, Baling district officer Yazlan Sunardie Che Yahaya said checks revealed that the same dogs were involved in an attack in 2023 that left a man injured.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**